

19 JAN 2001

Pelantikan

SAMSUDDIN SEBAGAI KSN DAN ABDUL HALIM PENERUSI KWSP MULAI 1 FEB

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Kerajaan hari ini secara rasmi mengumumkan pelantikan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tan Sri Samsuddin Osman sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baru menggantikan Tan Sri Abdul Halim Ali, mulai 1 Feb ini.

Pelantikan tersebut telah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong, demikian menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Abdul Halim yang akan menamatkan perkhidmatannya pada 31 Jan ini, pula dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), juga mulai 1 Feb, menggantikan Tan Sri Salehuddin Mohamed yang bersara pada hujung bulan ini.

Rabu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Samsuddin akan dilantik sebagai KSN yang baru tetapi tidak menjelaskan bila pelantikan itu berkuatkuasa.

Samsuddin, 54, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti Pennsylvania State, Amerika Syarikat, dilantik ke Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 15 Okt 1969.

Sepanjang perkhidmatannya, Samsuddin telah menyandang beberapa jawatan seperti Timbalan Pengarah (Akademik) Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebelum dilantik Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri.

Samsuddin dilantik sebagai Ketua Pengarah JPA pada 15 Dis 1998.

Sementara itu, Abdul Halim dilantik sebagai KSN pada 17 Sept, 1996. Perkhidmatan beliau disambung secara kontrak pada 1998 dan kali kedua pada tahun lepas.

Sebelum dilantik sebagai KSN, Abdul Halim ialah Ketua Setiausaha Kementerian Luar.

-- BERNAMA

HS AHH LAT